

Seri Paduka rasmi sidang Parlimen

BH 20 MAR 2001

Oleh Wan Esuryanti Wan Ahmad, Kadir Dikoh dan Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR Isnin – Yang di Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke 10 dalam satu upacara penuh adat istiadat

Upacara dimulakan di Dataran Parlimen sebaik saja Yang di Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah tiba pada jam 10 pagi

Ketibaan Seri Paduka berdua disambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen serta isteri masing-masing

Seri Paduka berdua kemudian ke Pentas Diraja dengan iringan lagu kebangsaan Negara Ku

Yang di Pertuan Agong

menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan 107 pegawai dan anggota Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Abu Samah Mat Nor

Ketika pemeriksaan kehormatan tembakan meriam 21 das dilepaskan oleh pasukan 41 bateri istiadat Kem Sungai Buloh

Selesai istiadat di Dataran Parlimen Seri Paduka berdua berangkat ke bilik rehat diraja di bangunan Parlimen sebelum diiringi masuk ke dalam Dewan Rakyat

Persidangan kali ini akan berlangsung selama 25 hari Ia akan menyaksikan antara lain

pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8) dan Rancangan Jangka Panjang Ketiga

Sebanyak 11 rang undang-undang dijangka dibentangkan pada mesyuarat kali ini termasuk tiga rang undang-undang bagi bacaan kali pertama iaitu Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001 dan Rang Undang-undang Tanda-tangan Digital (Pindaan) 2001

Turut hadir menteri kabinet anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta perwakilan asing

Sebanyak 11 rang undang-undang dijangka dibentangkan pada mesyuarat kali ini